



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SEMARAK AIDILFITRI
BERSAMA RAKAN MEDIA**

28 APRIL 2025

**HOTEL ST. GILES BOULEVARD
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلوة
والسلام على سيدنا محمد أشرف
المسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

Datuk Seri Noridah – Ketua Pengarah JWP
Ketua-ketua Agensi
Ketua-ketua Editor
Rakan-rakan media
Hadirin sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada malam ini, meraikan hari akhir lebaran dalam Majlis Semarak Aidilfitri bersama Rakan Media. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua.

2. Malam ini bukan semata-mata tentang meraikan lebaran bersama rakan media, tetapi kesempatan untuk saya secara peribadi, merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas dedikasi dan komitmen anda semua dalam melapor, menjelaskan dan memaknakan setiap dasar serta inisiatif Kerajaan, khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

RAKAN MEDIA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK KERAJAAN

Hadirin sekalian,

3. Peranan media hari ini melangkaui tugas hakiki pelaporan berita. Anda semua merupakan rakan strategik bagi sesebuah kerajaan, juga sebagai penghubung dan jambatan di antara Kerajaan dan rakyat, dengan membina naratif yang mencorakkan kefahaman rakyat masyarakat.

4. Dalam dunia yang semakin kompleks, di mana maklumat tanpa sempadan, bersaing dalam ruang maya dan nyata. Peranan media menjadi semakin signifikan. Setiap yang dilaporkan, ditulis atau disiarkan di mana-mana platform pun akan membentuk persepsi rakyat terhadap dasar dan agenda yang kita bawa.

5. Justeru, saya melihat anda semua bukan sebagai pihak ketiga yang memerhati, tetapi berperanan dalam membina kefahaman, memupuk perpaduan dan memperkuuh keyakinan rakyat terhadap hala tuju dan tindakan Kerajaan MADANI hari ini.

RAKAN MEDIA SEBAGAI JAMBATAN SEIMBANG MENGANGKAT SUARA KOMUNITI

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Di Wilayah Persekutuan ini, kami menggalas amanah untuk membentuk sebuah kota yang berdaya huni untuk semua, kota yang bersih, sihat, maju, selamat dan lestari, atau saya ringkaskan sebagai visi Bandar CHASE yang bukan hanya bercerita soal pembinaan bangunan atau infrastruktur, tetapi tentang bagaimana kita membina sebuah komuniti yang hidup dengan nilai ihsan, keadilan, lestari dan sejahtera.

7. Contohnya, dalam usaha terkini kita untuk melestarikan Kuala Lumpur melalui Warisan KL, membangunkan Labuan sebagai pulau pintar dan juga memperkasakan Putrajaya sebagai sebuah bandar pintar, liputan dan kefahaman rakyat terhadap inisiatif-inisiatif ini amat bergantung pada bagaimana ia digarap dan disampaikan oleh media. Itu sangat penting. Kerana ini lah antara projek yang membawa visi dan dasar CHASE itu ke lapangan.

8. Jadi, saya berharap rakan-rakan media akan terus berusaha menjadi jambatan yang seimbang dalam mengangkat suara komuniti di Wilayah Persekutuan, dan dalam masa yang sama menyampaikan inisiatif Kerajaan secara adil agar kita dapat menyemarakkan lagi agenda inklusif yang sedang kita usahakan.

CABARAN KOMUNIKASI DI ERA PASCA KEBENARAN

Saudara dan saudari sekalian,

9. Saya juga sedar tentang cabaran besar yang melanda landskap komunikasi hari ini iaitu era pasca kebenaran atau *post-truth*, di mana *misinformation* dan *disinformation* boleh mengalihkan naratif dan mencetus kekeliruan dalam kalangan rakyat.

10. Sebagai contoh, di era teknologi AI ini pun, masih ada yang termakan dengan mainan sentimen Melayu dipinggirkan dalam pembangunan atau pembaharuan semula bandar. Inilah yang digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang. Saya ni anak Melayu, tak pernah terlintas dalam fikiran saya untuk meminggirkan sesiapa, apatah lagi bangsa saya sendiri. Tapi saya hairan, ada pihak yang sanggup membakar isu-isu perkauman sempit seperti ini.

11. Kemudian mengaitkan pula dengan isu *gentrification*. Saya mahu tekankan, pembangunan semula ini sifatnya *in-situ*. Kampung Sungai Baru sebagai contoh, hampir 70 peratus penduduk yang bersetuju, mereka semua orang Melayu dan akan ditempatkan semula mendiami tanah mereka sendiri. Begitu juga jika kita buat di mana-mana tempat yang lain selepas ini, seperti Flat Seri Perlis, contohnya.

12. Saya tahu ini bukan isu mudah. Kita tidak boleh biarkan kawasan yang tidak selamat, sempit dan daif kekal diwariskan. Pembangunan semula ini soal maruah mereka, masa depan mereka dan ini menjadi tanggungjawab kita bersama.

PEMBANGUNAN KAMPUNG SUNGAI BARU PERLU DISEGERAKAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Flat di Kampung Sungai Baru itu dulunya hanya 1 bilik. Tidak kondusif. Laluan turun tangga itu, tempat penagih dadah melepak. Bagaimana mungkin kehidupan seperti ini dikekalkan? Dengan pembangunan semula ini, insya-Allah kita angkat darjat mereka. Rumah yang bakal mereka terima nanti hampir 2 kali ganda lebih besar, sekurang-kurangnya 3 bilik. *Maintenance* pun mereka akan diuruskan dengan lebih teratur.

14. Yang bersetuju dengan pembangunan itu, telah tunggu 9 tahun untuk dapatkan semula hak mereka. Yang tidak bersetuju, sudah pun terima pampasan mereka. Jika ada yang masih tak bersetuju dengan nilai pampasan, bawa ke mahkamah. Biar mahkamah yang putuskan, saya terbuka dan tiada halangan.

15. Namun, pembangunan di Kampung Sungai Baru ini perlu dimulakan segera. *We need to put a stop on this!* Pemaju mesti ambil tanggungjawab ini. Bertahun-tahun menunggu Perintah Pembangunan atau DO, dan dalam tempoh setahun sahaja kita telah uruskan serta pastikan DO dikeluarkan. Kini, pemaju mesti laksanakan segera pembangunan ini. Tiada alasan untuk bertangguh lagi. Agensi-agensi terlibat juga perlu *facilitate* dan percepatkan segala proses permohonan yang berkaitan. Jangan biarkan rakyat terus menjadi mangsa birokrasi. Isu legasi ini mesti dinuktahkan segera!

16. Begitu juga di Pasar Datuk Keramat, saya minta DBKL segerakan pembangunan semula. Mana-mana persatuan yang terlibat, beri kerjasama sepenuhnya kepada DBKL. Jangan pula ada yang menangguk di air keruh. Pasar yang menjadi nadi komuniti bandar ini, khususnya masyarakat Melayu, mesti dibangunkan semula secepat mungkin.
17. Jadi, saya minta rakan-rakan media bersama-sama dengan saya untuk menyelesaikan isu-isu legasi seperti ini. Kita mahu Kuala Lumpur ini benar-benar mencerminkan martabatnya sebagai sebuah ibu negara untuk semua.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

18. Saya ingin menegaskan, di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan, kami sentiasa terbuka untuk memberikan penjelasan dan memastikan rakan-rakan media mendapat akses kepada maklumat yang sahih. Kerjasama ini penting untuk memastikan ruang maklumat kita, subur dengan fakta, bukan hanya dengan spekulasi ciptaan.

19. Kita adalah regu dalam mengangkat suara rakyat dan membangunkan Wilayah Persekutuan dengan naratif perpaduan dan roh MADANI yang menjadi tunjang kemajuan kita hari ini. Wilayah Persekutuan ini milik kita bersama, kota yang kita bangunkan, jiwa yang kita hidupkan dan warisan yang kita akan serahkan kepada generasi mendatang.
20. Sekali lagi, Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah
wassalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.